Kecerdasan buatan (AI) telah muncul sebagai teknologi yang bermanfaat dalam pelbagai bidang, termasuk rawatan dan pemulihan penyalahgunaan dadah dan bahan. Kertas konsep ini dihasilkan adalah bertujuan untuk meneroka pelbagai penggunaan masa kini aplikasi AI dalam konteks tersebut selain mencadangkan penggunaannya dalam setting tempatan. Kajian ini menggunakan penilaian literatur secara sistematik terhadap kajian-kajian terkini yang mengkaji penggunaan AI dalam rawatan dan pemulihan penyalahgunaan dadah dan bahan. Kajian-kajian yang dikenal pasti dibuat pembacaan dan penilaian bagi melihat pelbagai aplikasi penggunaan AI dalam membantu meningkatkan keberkesanan rawatan dan pemulihan dadah dan bahan. Dapatan analisis kajian menunjukkan bahawa AI mempunyai potensi dalam meningkatkan keberkesanan rawatan dan pemulihan penyalahgunaan bahan. Beberapa penggunaan AI dikenalpasti antaranya dalam membantu membuat pengesanan awal penyalahgunaan dadah dan bahan. Algoritma AI membolehkan analisis pelbagai sumber data, seperti rekod kesihatan elektronik, siaran media sosial dan data telefon pintar, untuk mengenal pasti corak dan penunjuk kepada penyalahgunaan dadah dan bahan. Melalui pengesanan awal ini, penyedia rawatan dan agensi berkaitan boleh mengenal pasti individu yang berisiko dan memberikan intervensi awal kepada golongan berkenaan. AI juga dapat mengoptimumkan kejayaan kepulihan melalui pembentukan rancangan kepulihan yang khusus kepada individu berdasarkan analisis ciri klien, sejarah rawatan dan keberkesanan intervensi terdahulu. Selain itu, AI juga digunakan dalam meramal kemungkinan berlakunya relaps melalui data perubahan tingkah laku klien, fisiologi dan faktor persekitaran. Dengan mengenalpasti situasi berisiko dan memberikan intervensi secara real-time, AI dapat membantu klien mengurus keinginan, menghadapi tekanan dan mengelak pencetus kepada triggers. Teknologi AI juga membantu memberikan sokongan berterusan melalui aplikasi telefon pintar, pembantu maya (virtual assistant) dan peranti boleh pakai. Alat ini boleh memberikan peringatan, mesej motivasi, akses kepada rangkaian sokongan serta meningkatkan hasil pemulihan jangka panjang. Hasil dapatan kertas konsep ini memberikan gambaran secara ringkas keadaan semasa penggunaan AI dalam rawatan dan pemulihan penyalahgunaan dadah dan bahan. Penggunaan AI mampu merevolusikan dan meningkatkan kejayaan rawatan dan pemulihan klien berbanding menggunakan kaedah rawatan tradisional terutama di dalam setting pemulihan dadah dan bahan di Malaysia.

Kata kunci: Kepintaran buatan, penagihan dadah, penyalahgunaan bahan, rawatan dan pemulihan, teknologi

SIMPOSIUM

Sains PENAGIHAN DADAH KEBANGSAAN 2023

"MENDAKAP TEKNOLOGI, MELINDUNGI MASYARAKAT MALAYSIA DARI DADAH"

TREK 2

RAWATAN DAN PEMULIHAN

DR. AZAHAH ABU HASSAN SHA'ARI

LITERATURE REVIEW: AN INTEGRATION OF RESTORATIVE JUSTICE PRINCIPLES IN SUBSTANCE USE DISORDER (SUD) RECOVERY PROGRAMS

Substance abuse presents a significant global public health challenge, demanding innovative strategies for prevention and recovery. Purpose: The purpose of this systematic review was to investigate the integration of restorative justice principles into substance abuse rehabilitation programs. Methodology: Using PRISMA framework, a systematic literature review was conducted. This review covered articles published between January 2013 to January 2023. The methodology employed an exhaustive search of peer-reviewed articles including from PubMed, PsycINFO, Social Work Abstracts, ERIC (Education Resources Information Center) and SAGE Journals databases. The selection process carefully identified studies examining the application of restorative justice principles, encompassing accountability, responsibility, reconciliation, and community engagement, within the context of substance abuse recovery. Findings: The review of 20 articles illuminate four critical themes. Firstly, restorative justice principles are increasingly being incorporated into substance abuse recovery programs. Secondly, a community-based approach, in alignment with the restorative justice principles of repairing harm and rebuilding relationships, is evident across various drug addiction recovery programs. Thirdly, participants in programs that integrate restorative justice principles frequently acquire valuable conflict resolution and communication skills. Lastly, the incorporation of restorative justice principles leads to empowerment and healing, and ultimately enhancing self-esteem and agency. Conclusion: In conclusion, this systematic review sheds light on the evolving landscape of substance abuse recovery programs, where restorative justice principles are gaining recognition as valuable components of holistic rehabilitation.

Keywords: Community-based; empowerment; rehabilitation; restorative justice; Substance abuse

SIMPOSIUM

Sains PENAGIHAN DADAH KEBANGSAAN 2023

"MENDAKAP TEKNOLOGI, MELINDUNGI MASYARAKAT MALAYSIA DARI DADAH"

TREK 2

RAWATAN DAN PEMULIHAN

PUAN CHANDRALEKAH S. VELU

PENAGIHAN SATU PENYAKIT KEPLASTIKAN NEURO DAN KESANNYA TERHADAP TINGKAH LAKU RELAPS

Penagihan dijelaskan sebagai penyakit keplastikan neuro disebabkan oleh perubahan aktiviti dan litaran otak serta kefungsiannya disebabkan tingkah laku penagihan dadah. Perubahan yang diakibatkan oleh dadah terhadap otak menyebabkan perubahan terhadap keplastikan neuro dan mempengaruhi sistem kognitif seperti kefungsi eksekutif, ingatan bekerja, tingkah laku pembuatan keputusan, tingkah laku kawalan dan seterusnya relaps dalam kalangan penagih dadah. Kajian ini membincangkan (i) Konsep Keplastikan neuro (ii) Keplastikan neuro dan penagihan dadah (iii) Kesan terhadap litaran otak dan tingkah laku relaps (iv) Keplastikan neuro dalam proses terapi pemulihan. Kesimpulannya pemahaman keplastikan neuro membolehkan pemahaman terhadap tingkah laku yang dipamerkan oleh penagih dadah. Pemahaman ini membantu dalam pembentukan rawatan pemulihan yang bersesuaian dalam kalangan penagih dadah.

Kata kunci: Keplastikan Neuro, Otak, Litaran Otak, Tingkah Laku Relaps

SIMPOSIUM

Sains PENAGIHAN DADAH KEBANGSAAN 2023

"MENDAKAP TEKNOLOGI, MELINDUNGI MASYARAKAT MALAYSIA DARI DADAH"

TREK 2

RAWATAN DAN PEMULIHAN

MUHAMMAD ANAS BIN HAJI NASIR



PENCEGAHAN AWAL TERHADAP GEJALA PENAGIHAN BERULANG DALAM KALANGAN PEJUANG KEPULIHAN

Semakin Negara membangun menuju status Negara maju, perkembangan remaja dan golongan belia juga dilihat semakin maju seiring kemajuan teknologi. Pencapaian golongan ini di dalam bidang pendidikan dan inovasi adalah sangat membanggakan. Namun tidak dapat dinafikan, masih jua wujud segelintir daripada mereka yang bertindak tidak selari dengan kemajuan Negara. Amat menyedihkan apabila ada dalam kalangan remaja seawal usia dua belas tahun sudah mula pandai merokok dan menghisap dadah. Penagihan dadah adalah merumitkan. Gejala ini menimbulkan kerisauan dan kebimbangan dalam kalangan anggota masyarakat. Ini kerana ada di antara mereka yang telah pulih kembali kepada tabiat negatif awal yang pernah mereka lalui. Persoalannya, mengapa individu yang telah pulih kembali menggunakan dadah? Mengapa penagih dadah tidak mencabar diri mereka untuk tidak terus menggunakan dadah? Mengapa masih menggunakan dadah sedangkan telah sedia maklum dadah itu memusnahkan masa depan dan merenggut banyak perkara berharga di dalam kehidupan? Kertas kerja ini akan membahaskan tentang cara menangani persoalan-persoalan tersebut dan langkah-langkah yang lebih inovatif dalam mendepani masalah penagihan berulang (relapse) ini.

Kata Kunci: Penagihan berulang, Belia, Teknologi

SIMPOSIUM

Sains PENAGIHAN DADAH KEBANGSAAN 2023

"MENDAKAP TEKNOLOGI, MELINDUNGI MASYARAKAT MALAYSIA DARI DADAH"

TREK 2

RAWATAN DAN PEMULIHAN

PROF. MADYA DR. JAYA KUMAR MURTHY

ALTERATIONS IN ANXIETY, LOCOMOTOR ACTIVITY, AND AMYGDALAR DOPAMINERGIC EXPRESSION DURING WITHDRAWAL FROM PROLONGED METHAMPHETAMINE USE IN A RAT MODEL

According to the Malaysian National Anti-Drug Agency's 2021 report, methamphetamine stands out as one of the most widely abused substances in Malaysia. While numerous studies have delved into the immediate effects of methamphetamine use, there remains a substantial gap in our understanding regarding alterations in neurotransmission during the recovery phase. In the current study, we endeavour to elucidate the neurobehavioural and neurochemical modifications occurring during abstinence from chronic methamphetamine intake within the amygdala, a crucial brain region in regulating emotional processing. Seven-week-old adult male Sprague Dawley rats ($N = 4$) were allocated into control (given saline for 2 weeks; subcutaneous) and methamphetamine (given twice per day, 1 mg/kg for the first week and 2 mg/kg for the second week). After two weeks of drug exposure, the animals underwent cessation of drug intake. Their changes in exploratory and locomotive behaviours were assessed on Day 1 and Day 28 of the abstinence period using the open field test. Subsequently, the rats were humanely euthanised, and their brain tissues were harvested for immunohistochemistry (IHC) analysis using a tyrosine hydroxylase antibody to examine alterations in dopamine expression levels in the amygdala. Methamphetamine-administered animals travelled significantly higher in the open field ($p < 0.05$) on abstinent D1 and produced significantly more ambulation on abstinent D28 ($p < 0.05$) compared to the control group. However, in the IHC examinations, no statistically significant difference was detected across the groups. In our present study, we observed no significant difference in anxiety-related findings as indicated by the open field test results, which coincided with the findings related to dopamine expression obtained through IHC. Nevertheless, we did observe noteworthy alterations in the locomotor behaviour of the methamphetamine-withdrawn rats, which warrants further exploration of brain regions involved in the regulation of motor functions.

Keywords: methamphetamine, amygdala, dopamine, withdrawal, abstinence

SIMPOSIUM

Sains PENAGIHAN DADAH KEBANGSAAN 2023

"MENDAKAP TEKNOLOGI, MELINDUNGI MASYARAKAT MALAYSIA DARI DADAH"

TREK 3

PENGUATKUASAAN

MS. KAVINVADEE SUPPAPONGTEVASAKUL

EARLY WARNING SYSTEMS ON NEW PSYCHOACTIVE SUBSTANCES AND EMERGING SYNTHETIC SUBSTANCES

The synthetic drug market in East and Southeast Asia has been rapidly evolving with increases in the number of new psychoactive substances (NPS), particularly synthetic cannabinoids, as well as the availability of drug products containing multiple substances, such as 'happy water'. In addition, authorities in the region have reported other emerging drug phenomena, such as a growing number of poly-drug users that could pose public health related challenges.

Considering the evolving nature of synthetic drugs and associated public health and security challenges, countries in the region would benefit from the establishment of national early warning systems (EWS) to quickly identify NPS and other emerging substances, evaluate the risks associated with their use, and rapidly generate warnings for the development of effective responses.

This presentation will provide an overview on EWS, including an overview on the stakeholders and components of an EWS as well as currently existing early warning mechanisms.

Keywords: synthetic drugs, early warning

SIMPOSIUM

Sains PENAGIHAN DADAH KEBANGSAAN 2023

"MENDAKAP TEKNOLOGI, MELINDUNGI MASYARAKAT MALAYSIA DARI DADAH"

TREK 3

PENGUATKUASAAN

BRIGEDIER JENARAL DATUK ABD RAZAK BIN SIPIT

APLIKASI PENDERIAAN JAUH DALAM PENGUATKUASAAN

Agensi Penguatkuasaan kini perlu mendepani cabaran pengoperasian melalui teknologi yang semakin berkembang pesat. Aplikasi Penderiaan Jauh yang berteraskan teknologi angkasa merupakan salah satu alternative kepada agensi dalam melaksanakan penguatkuasaan dengan cara yang lebih sistematik, efektif dan bersepadu. Agensi Angkasa Malaysia (MYSAA) telah pun menghasilkan pelbagai aplikasi berteraskan teknologi angkasa untuk kegunaan pelbagai agensi kerajaan mengikut keperluan penugasan agensi. Aplikasi terkini yang boleh digunakan oleh AADK dalam penguatkuasaan adalah MyIDEA. Pembangunan sistem aplikasi ini mengambil inspirasi daripada konsep berikut:

- **Identify** : Mengetahui pasti lokasi dan kategori hot spot dari sumber di lapangan
- **Detect** : Mengesan dan plot lokasi sebenar diatas imej satelit
- **Ensure** : Memastikan operasi pengintipan, penyerbuan keatas sasaran dipantau dan dikoordinasikan dengan sistematik dan menyeluruh
- **Archive** : Mengarkib segala data hot spot dan maklumat untuk paparan visual di bilik-bilik gerakan dan untuk analisa risikan.

Sistem aplikasi MyIDEA telah berjaya melepasi beberapa fasa simulasi (Proof of Concept (POC) di lapangan dan pengujian menggunakan sistem komunikasi satelit (Sactom) milik Angkatan Tentera Malaysia. Justeru itu, penggunaan Starlink atau sistem yang seumpama dengannya boleh digunakan bagi kawasan yang tiada liputan internet. MyIDEA, new way of doing thing.

SIMPOSIUM

Sains PENAGIHAN DADAH KEBANGSAAN 2023

"MENDAKAP TEKNOLOGI, MELINDUNGI MASYARAKAT MALAYSIA DARI DADAH"

TREK 3

PENGUATKUASAAN

ENCIK EDWIN RAJ



PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN DENGAN KETUM DI MALAYSIA: DILEMA ANTARA BUDAYA DENGAN UNDANG-UNDANG

Ketum merupakan sejenis tumbuhan tropika yang tumbuh secara semula jadi di kawasan Asia Tenggara, termasuk Malaysia. Ketum telah digunakan secara tradisional kerana sifat psikoaktifnya dan diketahui mampu menghasilkan kesan yang sama seperti opioid. Penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan ketum di Malaysia membawa dilema yang mencabar yang berpunca daripada akar budaya yang mendalam dalam penggunaan ketum. Selama beberapa generasi, ketum telah menjadi sebahagian yang penting dalam budaya Malaysia, digunakan dalam amalan tradisional, perubatan tradisional dan kehidupan seharian. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini bertujuan untuk menilai kedudukan ketum dari segi budaya dan amalan di Malaysia di samping meneliti kedudukan undang-undang berhubung dengannya. Bagi mencapai objektif ini, data dikumpulkan daripada kajian perpustakaan dan dianalisis secara kritis. Kertas kerja ini mendapati bahawa ketum sememangnya menjadi sejenis tumbuhan yang mudah didapati di Malaysia dan digunakan orang masyarakat secara tradisional bagi tujuan tertentu. Pada masa yang sama, bagi penyalahgunaan dan penagihan ketum, usaha telah diambil untuk mengawal selia ketum dari segi undang-undang. Kini, ketum dikawal selia mengikut Akta Racun 1952 di Malaysia. Sungguhpun demikian, wujud suatu pertembungan antara pengiktirafan budaya masyarakat tempatan dengan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan ketum di Malaysia. Undang-undang sepatutnya mengambil kira amalan dan budaya masyarakat sebelum menentukan takat pengawalseliaan yang harus diperuntukkan dalam sesuatu undang-undang yang digubal.

Kata Kunci: ketum, Akta Racun 1952, bahan psikoaktif, opioid

SIMPOSIUM

Sains PENAGIHAN DADAH KEBANGSAAN 2023

"MENDAKAP TEKNOLOGI, MELINDUNGI MASYARAKAT MALAYSIA DARI DADAH"

TREK 3

PENGUATKUASAAN

CHM DR WAN NUR SYUHAILA MAT DESA

FOURIER TRANSFORM INFRARED SPECTROSCOPY (FTIR) FINGERPRINT PROFILING IN TANDEM WITH CHEMOMETRICS FOR RAPID DETECTION OF NEW PSYCHOACTIVE SUBSTANCES (NPS) METHCATHINONE

New psychoactive substances (NPS) have been identified with higher regularity in recent years, indicating current trends in synthetic drug (substance) of abused. This substance is reportedly prepared from precursors such as the ephedrine and pseudoephedrine (PSE). This work investigates the feasibility of NPS methcathinone fast detection using Fourier Transform Infrared (FTIR) spectroscopy direct analysis coupled to chemometrics to identify and further distinguish between batches and ascertain the substances source of origin. MET were obtained from three different sources of PSE precursors via potassium permanganate (KMnO_4) and potassium dichromate ($\text{K}_2\text{Cr}_2\text{O}_7$) oxidizers. Unique spectrum signal was used for identification while the fingerprint regions (1500 cm^{-1} to 600 cm^{-1}) of the samples were subjected to chemometric procedures of principal component analysis (PCA) and linear discriminant analysis (LDA). The end-products from the chromate and manganate reactions were identified as NPS consistent with Methcathinone hydrochloride. NPS methcathinone fingerprint of the PCA demonstrated discrimination among the samples at the precursor as well as their synthetic route level at 76.9% total variation while LDA recorded a cross-validation correct classification rate of 92%. The findings is useful for application in the field and enforcement for rapid NPS methcathinone detection. Additionally, the chemometrics findings demonstrated powerful understanding of substance trafficking network through chemical intelligence profiling approach. It is undoubtedly simple, rapid and straight forward techniques potentially of great value for combating crimes of illegal substances.

Keywords: NPS, methcathinone, precursors, chemometrics, FTIR, PCA, LDA

SIMPOSIUM

Sains PENAGIHAN DADAH KEBANGSAAN 2023

"MENDAKAP TEKNOLOGI, MELINDUNGI MASYARAKAT MALAYSIA DARI DADAH"

TREK 3

PENGUATKUASAAN

DR. PHOONG DEUK WAI

A HOLISTIC APPROACH ON SOCIO-ECONOMIC AND ENVIRONMENTAL IMPACTS OF CULTIVATION KRATOM IN MALAYSIA

Baru-baru ini, salah satu tanaman yang menjadi pertikaian di Malaysia adalah ketum. Sejak akhir-akhir ini, terdapat permintaan yang semakin meningkat untuk pembersihan ketum dalam perubatan. Di Malaysia, penggunaan ketum biasanya dikaitkan dengan penyalahgunaan dalam kalangan remaja, isu penyeludupan ketum ke negara lain atau black market. Ini disebabkan gejala penyalahgunaan ketum ini semakin bertambah dari semasa ke semasa terutamanya di negeri-negeri utara semenanjung Malaysia. Untuk membendung gejala ini, kerajaan telah memasukkan penggunaan daun ketum (mitragynine yang terdapat pada daun ketum) di bawah Seksyen 30(3) Akta Racun 1952 yang mana boleh membawa kepada hukuman penjara maksimum selama empat tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya sekali. Walaupun inisiatif dari sudut undang-undang telah meletakkan ketum (mitragynine) sebagai racun, tetapi kes penyalahgunaan daun ketum tidak menunjukkan sebarang tanda penurunan malahan kes penyalahgunaan semakin meningkat terutamanya semasa berlakunya wabak COVID-19. Selain itu, kes mengeksploitasi ketum secara haram juga semakin bertambah di Malaysia. Kes ini meningkat apabila harga ketum meningkat. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi orang awam dan para petani terhadap jangkaan sosial, jangkaan ekonomi dan keprihatinan alam sekitar bagi penanaman ketum di Malaysia. Kaedah campuran iaitu kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif digunakan dalam kajian ini. Borang soal selidik dan temu bual digunakan dalam pengumpulan data. Analisis deskriptif, pengiraan min analisis regresi telah digunakan untuk meringkas maklumat demografi responden dan item bagi membolehkan perubahan bersandar dan perubahan tidak bersandar. Dapatan kajian menunjukkan para petani dan orang awam mempunyai jangkaan yang sama iaitu jangkaan negatif terhadap aspek sosial terhadap penanaman ketum. Sebaliknya, kedua-dua golongan ini mempunyai persepsi yang positif terhadap jangkaan ekonomi. Sementara bagi aspek alam sekitar, orang awam berpendapat bahawa penanaman ketum akan menjejaskan persekitaran alam sekitar. Malah bagi golongan petani berpendapat ketum tidak menjejaskan ekosistem dan kualiti tanah. Selain itu, dapatan kajian bagi analisis kualitatif menunjukkan responden berpendapat walaupun ketum boleh memberi manfaat kepada kesihatan, tetapi penggunaan berlebihan akan menjejaskan kesihatan, ketagihan dan penyalahgunaan ketum dalam kalangan remaja dan orang awam. Para responden juga berpendapat bahawa ketum boleh meningkatkan pendapatan diri dan negara serta tidak memberi kesan negatif kepada alam sekitar. Walaubagaimanapun, ada sesetengah responden berpendapat penanaman ketum akan menjejaskan tanaman lain jika kerajaan membenarkan penanaman dan pemprosesan ketum. Di samping itu, kajian ini juga merumuskan kajian klinikal berkaitan dengan ketum dan seterusnya mencadangkan strategi-strategi kepada penggubal dasar dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk mengambil tindakan selanjutnya selepas mengkaji isu-isu sosial yang mungkin akan timbul jika kerajaan membenarkan penanaman ketum. Implikasi kajian ini adalah dijangka dapat membantu kerajaan memahami jangkaan dan persepsi rakyat Malaysia terhadap penerimaan penanaman ketum bagi membentuk dasar atau undang-undang dan peraturan bagi menangani isu berkaitan ketum.

SIMPOSIUM

Sains PENAGIHAN DADAH KEBANGSAAN 2023

"MENDAKAP TEKNOLOGI, MELINDUNGI MASYARAKAT MALAYSIA DARI DADAH"

TREK 3

PENGUATKUASAAN

PROFESOR MADYA DR. PARAMJIT SINGH JAMIR SINGH

KAJIAN KUALITATIF KE ATAS NILAI HIDUP BELIA DI KAWASAN BERISIKO TINGGI

Objektif: Kajian kualitatif ini bertujuan untuk meneroka nilai hidup belia yang tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah yang tinggal di kawasan berisiko tinggi.

Metodologi: Sejumlah 116 orang responden yang tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah yang tinggal di kawasan berisiko tinggi termasuk di kawasan bandar dan luar bandar di seluruh Malaysia yang meliputi lima (5) Zon iaitu Zon Utara (Pulau Pinang), Zon Tengah (Selangor), Zon Selatan (Johor), Zon Timur (Terengganu) dan Zon Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak) telah ditemubual menerusi pendekatan perbincangan kumpulan fokus (FGD).

Dapatan: Hasil kajian mendapati sokongan daripada ibu bapa, kempen kesedaran dadah, aktiviti kemasyarakatan, peraturan di rumah dan sekolah, keprihatinan jiran, aktiviti sukan, dan aktiviti keagamaan adalah faktor utama yang mendorong responden tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah meskipun responden tinggal di kawasan berisiko tinggi.

Penutup: Kesimpulannya, nilai hidup belia yang tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah perlu dikongsikan dengan belia yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan dadah dalam institusi dan komuniti. Perkongsian nilai hidup ini diharap dapat memberi panduan kepada belia yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan dadah dalam institusi dan komuniti untuk kekal pulih daripada penyalahgunaan dadah setelah mereka selesai menjalani rawatan dan pemulihan dadah di bawah kelolaan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

SIMPOSIUM

Sains PENAGIHAN DADAH KEBANGSAAN 2023

"MENDAKAP TEKNOLOGI, MELINDUNGI MASYARAKAT MALAYSIA DARI DADAH"

TREK 4

KOMUNITI / NGO

ANUAR MATSAAT



ARCHERY AS A THERAPY FOR ADDICTION RECOVERY: EXPLORING BENEFITS AND TECHNOLOGICAL INNOVATIONS

Archery has emerged as a promising therapy for addiction recovery, offering physical, mental, and spiritual advantages. This research aims to examine the three key benefits of archery and explore the integration of technology in implementing this therapy effectively.

Archery provides evident physical benefits, requiring strength, coordination, and endurance. Engaging in archery exercises helps recovering addicts rebuild their physical well-being, improving cardiovascular fitness, muscle tone, and motor skills. Additionally, archery fosters focus, discipline, and mental resilience, enhancing mental health during recovery. The repetitive nature of drawing bows and aiming promotes patience, concentration, and relaxation, reducing stress.

The spiritual aspect of archery is often overlooked but holds significant importance. It creates a connection between the individual and the bow, emphasizing precision and accuracy. This fosters mindfulness and self-awareness, facilitating a journey of self-discovery and transcendence, and nurturing spiritual growth in addiction recovery.

Moreover, technology can revolutionize archery therapy implementation by enhancing the overall experience. Single Arrow Focus Exercise (SAFE) And Virtual Reality / Augmented Reality (AR/ VR) provide a safe environment for beginners, enabling practice and confidence-building. Mobile applications and wearable devices track progress, offer personalized training plans, and facilitate peer support through online communities, streamlining the recovery process. Incorporating haptic feedback and biofeedback technologies into archery equipment enhances the sensory experience, further aiding in the therapeutic benefits for recovering addicts.

In conclusion, archery offers a holistic approach to addiction recovery, encompassing physical, mental, and spiritual health. Technological innovations provide avenues for personalized training, progress tracking, and community support, optimizing archery therapy implementation. This research sheds light on the potential of archery as a valuable tool in rehabilitation programs, inspiring further exploration and effective utilization in addiction recovery. Additionally, online psychometrics and other instruments, remote scoring systems, and virtual tournaments could be integrated to enhance the therapy's effectiveness and engagement.

SIMPOSIUM

Sains PENAGIHAN DADAH KEBANGSAAN 2023

"MENDAKAP TEKNOLOGI, MELINDUNGI MASYARAKAT MALAYSIA DARI DADAH"

TREK 4

KOMUNITI / NGO

DATO SRI ZULKIFLI ABDULLAH

KERJASAMA STRATEGIK ANTARA AADK DAN PETRONAS BAGI TEMPAT KERJA BEBAS DADAH (TEKAD)

Objektif :

Pembentangan ini bertujuan untuk berkongsi dengan pihak awam dan masyarakat berkenaan dengan usahasama di antara AADK dan PETRONAS dalam menjalankan kerjasama strategik berhubung dengan inisiatif Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD). Sebagaimana matlamat dan objektif TEKAD, yang meliputi semua Sektor Awam dan Swasta dan turut merangkumi Sektor Keselamatan, PETRONAS melihat program sedemikian adalah amat bermanfaat dalam memastikan persekitaran kerja yang selamat dan bebas dari penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang. Pihak PETRONAS juga telah menggariskan perkara ini melalui Polisi Keselamatan (Security Policy) serta Polisi Penyalahgunaan Bahan Terlarang. (Policy on Substance Misuse).

Dapatan :

Sepanjang kerjasama yang dijalinan di antara AADK dan PETRONAS semenjak 2022 hingga ke 2023, pelbagai program dan pengisian yang telah dilaksanakan antaranya program kempen kesedaran (penglibatan mencecah 1000 orang kakitangan dan kontraktor), Program Persijilan Saringan dan Pengujian Dadah (seramai lebih 200 pegawai serta Polis Bantuan PETRONAS terlibat) dan inisiatif pelaksanaan saringan urin oleh Polis Bantuan PETRONAS. Selain itu, maklumat serta pengetahuan kakitangan berkenaan dengan salahguna dan bahaya dadah turut menunjukkan impak yang memberangsangkan, serta pelbagai program telah dan sedang dilaksanakan bagi inisiatif yang berterusan.

Penutup :

Peranan AADK sebagai agensi peneraju dalam membanteras penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang di Malaysia, sememangnya merupakan suatu tanggungjawab yang mencabar. Oleh yang demikian, peranan tersebut tidak hanya boleh diletakkan kepada AADK semata-mata, tetapi perlu turut digalas oleh pihak awam dan swasta jua. Tambahan lagi, prinsip dan matlamat TEKAD adalah amat bertepatan dalam memastikan tempat kerja yang selamat dan bebas dari risiko penyalahgunaan dadah. Sememangnya bahana dadah adalah amat dasyat dan selari dengan tema AADK pada tahun ini, LEBIH BAIK CEGAH!



SIMPOSIUM

Sains PENAGIHAN DADAH KEBANGSAAN 2023

AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Jalan Maktab Perguruan Islam
43000 Kajang, Selangor

Tel : 03 – 8911 2200
Faks : 03 – 8926 2055
Emel : webmaster@adk.gov.my

Talian Hotline Helo AADK
☎ 1-800-22-AADK (2235)
📞 019-626 2233

Lebih Baik Cegah #DadahTerkawal2025  MALAYSIA
MADANI